

---

# Proaspirasi kuasai pemilihan MMP

**Oleh AZHARI ZAINOODDIN,  
MD. AZRIN ROSLY  
dan NORHIDAYU MOHD. HASSAN**  
pengarang@utusan.com.my

**KUALA LUMPUR** 25 Sept. - Keputusan pilihan raya kampus bagi pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) sesi 2012/2013 di 16 daripada 20 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) hari ini menyaksikan kemenangan besar bagi kumpulan proaspirasi.

Dalam keputusan yang diumumkan setakat pukul 10 malam ini, kumpulan berkenaan mencapai kejayaan besar di tujuh buah IPTA iaitu Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Utara Malaysia (UUM), Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) dan Universiti Malaysia Pahang (UMP).

Berdasarkan kedudukan itu, ia bermakna kumpulan proaspirasi menerajui 11 dari 20 IPTA di seluruh negara. Sebelum ini kumpulan tersebut menguasai empat IPTA berikutan kemenangan calon-calonnya termasuk tanpa bertanding pada Khamis lalu.

Empat IPTA tersebut ialah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan memenangi 26 daripada 27 kerusi, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) 30 kerusi, Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) (28 kerusi) dan Universiti Teknologi Mara (UiTM) (226 kerusi).

Terdapat empat universiti yang sudah selesai melakukan pengundian menggunakan calon individu tanpa kecenderungan mana-mana kumpulan iaitu Universiti Malaysia Sarawak (Unimas), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

Di **Universiti Malaya (UM)**, daripada 43 kerusi yang dipertandingkan kumpulan proaspirasi menguasai 19 kerusi, promahasiswa (20 ke-

rusi), bebas (dua kerusi) dan dua kerusi lagi mencatatkan jumlah undi yang sama antara calon proaspirasi dan promahasiswa.

Bagaimanapun keputusan di tiga lagi IPTA masih belum diketahui iaitu Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM).

Pemilihan di **Universiti Islam Antarabangsa Malaysia** (UIAM) pula terpaksa dilakukan semula dalam tempoh seminggu dari hari ini selepas berlaku masalah teknikal.

Di **UMK**, kumpulan proaspirasi menguasai pemilihan apabila memenangi 10 daripada 14 kerusi yang dipertandingkan manakala di UTM kumpulan itu menang majoriti dengan 32 kerusi dan promahasiswa hanya 4 kerusi.

Kejayaan kumpulan proaspirasi berterusan di UPNM, apabila memenangi 11 kerusi lagi setelah tiga kerusi menang tanpa bertanding pada hari penamaan calon Jumaat lalu.

Kumpulan proaspirasi turut mencapai kejayaan di UMP apabila memenangi 18 kerusi berbanding promahasiswa enam kerusi.

Di **UUM**, calon proaspirasi mencapai kejayaan cemerlang membolot 34 daripada 36 kerusi yang dipertandingkan.

Keputusan pengundian tidak rasmi di UPM pula menyaksikan kumpulan cenderung proaspirasi memenangi 40 kerusi daripada 47 yang dipertandingkan dengan 80.37 peratus daripada 14,706 pelajar keluar mengundi.

Di **UPSI**, kumpulan proaspirasi mencatat peningkatan apabila memenangi 25 kerusi daripada 29 kerusi yang dipertandingkan berbanding hanya 21 kerusi pada tahun lalu.

Dalam pada itu, di UMS menunjukkan jumlah peratusan tertinggi warga kampus keluar mengundi iaitu 72.3 peratus atau hampir 11,000 orang, berbanding sebanyak 62 peratus sebelum ini.



**SAN** kepimpinan kumpulan proaspirasi yang memenangi 34 daripada 36 kerusi yang dipertandingkan meraikan kemenangan mereka bersama Naib Canselor UUM, Dr. Mohamed Mustaffa Ishak (barisan belakang, tengah) di universiti tersebut di Sintok, Kedah, semalam.

# KEPUTUSAN PILIHAN RAYA IPTA 2012/2013

Institusi	Bil. Kerusi	Pro-A	Pro-M	Bebas / Individu
**UM	43	19	20	2
*USM		-	-	-
*UKM		-	-	-
UPM	47	40	7	-
UUM36	34	2	-	-
*UIAM	-	-	-	-
UTM	36	32	4	-
UiTM	226	226	-	-
UMS	38	38	-	-
Unimas	13	13	-	-
UMK	14	10	4	-
UMP	24	18	6	-
UMT	20	20	-	-
UniSZA	24	24	-	-
*USIM	-	-	-	-
UPNM	14	14	-	-
UniMAP	30	30	-	-
UTHM	27	26	1	-
UTeM	28	28	-	-
UPSI	29	25	4	-

nota : \* USM, UKM dan USIM belum ada rekod rasmi

\*\* Dua kerusi lain mencatatkan keputusan seri

\* UIAM akan mengadakan undian semula.